



P.U. (A) 146/69

UNDANG² MALAYSIA

Ordinan 1

ORDINAN (KUASA² PERLU) DHARURAT, 1969

P.U. (A) 146.

UNDANG² MALAYSIA

PU(A) 176/69
PU(A) 204/70
PU(A) 63/71.

Ordinan 1

ORDINAN (KUASA² PERLU) DHARURAT, 1969

Suatu Ordinan di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan Persekutuan.

[15hb Mei, 1969.]

BAHAWA SA-NYA oleh sebab ada-nya dharurat besar mengancam keselamatan Malaysia, suatu Perishtiwaran Dharurat telah di-keluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah Perkara 150 Perlembagaan:

DAN BAHAWA SA-NYA Parlimen telah di-bubarkan pada dua puluh haribulan Mach, 1969, dan bahawa pilihan raya bagi Dewan Ra'ayat baharu belum lagi selesai:

DAN BAHAWA SA-NYA Yang di-Pertuan Agong ada-lah berpuashati bahawa tindakan segera ada-lah di-kehendaki bagi menjamin keselamatan awam, mempertahankan Malaysia, mengekalkan ketenteram awam dan perbekalan dan perkhidmatan yang perlu bagi kehidupan ra'ayat:

MAKA ADA-LAH DENGAN INI DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2) Perkara 150 Perlembagaan saperti berikut:

1. Ordinan ini boleh-lah di-namakan Ordinan (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969, dan hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia. Tajok ringkas dan pemakaian.

2. (1) Terta'alok kepada peruntokan² sekshen ini, Yang di-Pertuan Agong boleh membuat apa² jua peratoran² (dalam Ordinan ini di-sebut sa-bagai "Peratoran² Perlu") yang di-fikirkan oleh-nya sa-bagai patut atau mustahak bagi menjamin keselamatan awam mempertahankan Malaysia, mengekalkan ketenteraman awam dan juga perbekalan dan perkhidmatan yang perlu bagi kehidupan ra'ayat. Peratoran² Perlu.

(2) Dengan tidak menyentoh keluasan kuasa² yang di-beri oleh sekshen-kechil (1) di-atas, Peratoran² Perlu, sa-bagai mana yang di-dapati oleh Yang di-Pertuan Agong sa-bagai perlu atau mustahak bagi apa² maksud yang tersebut dalam sekshen-kechil itu, boleh—

(a) membuat peruntokan bagi menangkap, membichara dan menghukum orang² yang melanggar peratoran² itu, dan juga bagi menahan, menyingkir dan membuang-negeri orang² yang di-dapati oleh Menteri

Hal Ehwal Dalam Negeri sa-bagai mustahak di-tahan, di-singkir, dan di-buang-negeri demi kepentingan keselamatan awam atau pertahanan Malaysia ~~walau pun orang² itu warganegara Malaysia;~~

Pu(A) 170/69

- (b) mengadakan jenis² kesalahan dan menetapkan penalti² (termasuk hukum bunuh) yang boleh dikenakan bagi apa² kesalahan terhadap mana² undang² bertulis (termasuk peratoran² yang di-buat di-bawah Ordinan ini);
- (c) membuat peruntokan bagi mana² Mahkamah sa-bagaimana di-nyatakan dalam peratoran² itu membicharakan orang yang melakukan apa² kesalahan terhadap peratoran² itu;
- (d) membuat peruntokan² khas bagi achara (termasuk pembicharaan dalam kamar) mengenai kes² sivil atau jenayah dan juga bagi undang² berthabit dengan keterangan, bukti dan tanggungan dari segi sivil dan jenayah;
- (e) membuat peruntokan² bagi mengawal orang² asing;
- (f) membuat peruntokan bagi mengarah dan mengawal perjalanan perkhidmatan² oleh sa-saorang;
- (g) membenarkan—
 - (i) apa² harta atau usaha di-ambil milek, di-kawal, di-rampas atau di-lepas bagi pehak Kerajaan Malaysia;
 - (ii) apa² harta, kechuali tanah, di-ambil bagi pehak Kerajaan Malaysia.
- (h) membenarkan mana premises di-masoki dan di-gelidah;
- (i) menetapkan bayaran² atau lain;
- (j) membuat peruntokan bagi meminda mana² undang² bertulis, menggantung perjalanan kuatkuasa mana² undang² bertulis dan bagi memakai mana² undang² bertulis sama ada dengan pengubahsuaian atau dengan tiada pengubahsuaian;
- (k) membuat peruntokan² bagi mengadakan apa² jua alasan yang tertentu atas mana sa-saorang boleh di-luchutkan kewarganegaraan-nya walau apa pun peruntokan yang terkandung dalam Perlembagaan;
- (l) membuat peruntokan bagi mengawal pelabohan dan wilayah perayeran mana² Negeri dalam Malaysia dan juga pergerakan² perahuan;
- (m) membuat peruntokan mengenai pengangkutan mengikut jalan darat atau ayer dan bagi mengawal pengangkutan dan pergerakan orang, binatang dan benda;

d/potong.
PU (A) 170/69

- (n) membuat peruntokan mengenai perdagangan, penyimpanan barang², pengekspotan, pengimpotan, pengeluaran, dan pengkilangan;
- (o) membuat peruntokan bagi membekal dan membahagi² makanan, ayer, bahanapi, lampu dan keperluan² lain;
- (p) membuat peruntokan bagi apa² perkara lain yang pada pendapat Yang di-Pertuan Agong patut dibuat oleh peratoran² itu demi kepentingan awam.

(3) Peratoran² Perlu boleh membuat peruntokan bagi memberi kuasa kepada mana² pehak-berkuasa, orang atau golongan orang sa-bagaimana di-nyatakan dalam peratoran² itu bagi membuat perintah², kaedah² dan undang²-kecil bagi apa² maksud yang di-benarkan di-buat oleh Ordinan ini, dan juga boleh mengandongi apa² peruntokan bersampingan dan tambahan sa-bagaimana di-dapati perlu atau mustahak oleh Yang di-Pertuan Agong bagi maksud peratoran² itu.

(4) Sa-suatu Peratoran Perlu, dan apa² perintah, kaedah, atau undang²-kecil yang di-buat dengan sempurna menurut peratoran itu hendak-lah berkuatkuasa walau pun ada apa² peruntokan yang tidak bersesuaian dengan-nya yang terkandung dalam mana² undang² bertulis yang lain daripada Ordinan ini atau dalam mana² suratchara yang berkuatkuasa di-bawah mana² undang² bertulis yang lain daripada Ordinan ini, termasuk Perlembagaan Malaysia atau Perlembagaan mana² Negeri.

3. Melainkan jika maksud yang berlawanan di-dapati, apa² peruntokan yang terkandung dalam mana² Peratoran Perlu atau yang berkuatkuasa di-bawah-nya hendak-lah—

Perjalanan
kuatkuasa
Peratoran²
Perlu di-luar
Negeri.

- (a) sa-takat mana peruntokan² itu dengan tertentu mengenakan larangan², sekatan² atau tanggongan² berhubung dengan kapal, perahun atau kapaludara atau dengan tertentu membenarkan sa-suatu dilakukan berhubung dengan kapal, perahun atau kapaludara, di-pakai bagi semua kapal, perahun atau kapaludara dalam atau di-angkasa Malaysia dan bagi semua kapal atau kapaludara yang di-daftar di-Malaysia, tidak kira di-mana jua ia berada; dan
- (b) sa-takat mana peruntokan² itu mengenakan larangan², sekatan², atau tanggongan² ka-atas orang, di-pakai bagi semua orang dalam Malaysia dan semua orang dalam mana² kapal atau kapaludara yang di-daftar di-Malaysia, dan bagi semua warga-negara:

Dengan syarat bahawa Peratoran² Perlu boleh membuat peruntokan supaya pemunya, pengurus, atau penchatar

mana² kapal atau kapaludara yang di-daftar di-Malaysia (sa-bagai sa-orang yang tinggal di-Malaysia atau suatu perbadanan yang di-perbadankan di-bawah undang² Malaysia) di-kenakan sekatan² tentang mengambil bekerja orang² di-mana² negeri atau wilayah berkenaan dengan pengurusan kapal atau kapaludara.

Bukti
suratchara.

4. Tiap² surat yang berupa sa-bagai suatu suratchara yang di-buat atau di-keluarkan oleh mana² Menteri atau pehak-berkuasa atau orang menurut mana² peruntukan yang terkandung dalam Peratoran² Perlu atau yang berkuatkuasa di-bawah-nya, dan yang akan di-tandatangani oleh atau bagi pehak Menteri, pehak-berkuasa atau orang yang tersebut hendak-lah di-terima sa-bagai keterangan; dan juga, sa-hingga akas-nya di-buktikan, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai suatu suratchara yang di-buat atau di-keluarkan oleh Menteri, pehak-berkuasa atau orang itu; dan keterangan *prima facie* mengenai suratchara saperti tersebut di-atas boleh, dalam apa² langkah pembicharaan (termasok timbangtaraan) di-beri dengan mengemukakan suatu surat yang berupa sa-bagai di-peraku² sa-bagai salinan benar bagi suratchara itu oleh, atau bagi pehak, Menteri atau pehak-berkuasa atau orang lain yang berkuasa membuat atau mengeluarkan suratchara itu.

Melepas
tanggungan
pegawai
awam dan
orang² lain
yang
tertentu.

5. Apa² jua guaman, dawaan atau langkah pembicharaan lain tidak boleh di-bawa dalam mana² Mahkamah terhadap mana² pegawai awam sama ada atas sifat diri-nya sendiri atau atas sifat jawatan-nya bagi atau oleh kerana atau mengenai apa² perbuatan yang di-perintah atau di-lakukan oleh-nya atau yang berupa sa-bagai telah di-perintah atau di-lakukan oleh-nya dalam tempoh dharurat bagi maksud mengekalkan ketenteraman atau keselamatan awam atau bagi maksud melaksanakan mana² peratoran, perintah, kaedah atau undang²-kechil, arahan atau pemberitahu yang di-buat atau di-keluarkan di-bawah Ordinan ini, dan apa² jua guaman, dawaan atau langkah pembicharaan lain tidak boleh di-bawa dalam mana² Mahkamah terhadap mana² orang lain bagi atau oleh kerana atau mengenai apa² perbuatan yang di-lakukan atau yang berupa sa-bagai telah di-lakukan oleh-nya di-bawah mana² peratoran perintah, kaedah, undang²-kechil, arahan atau pemberitahu mana² pegawai awam yang di-beri bagi apa² maksud saperti tersebut di-atas:

Dengan sharat bahawa perbuatan pegawai atau orang itu telah di-lakukan dengan suchi hati dan dengan keperchayaan yang menasabah bahawa perbuatan itu ada-lah perlu bagi maksud yang di-chadang untok di-chapai dengan yang demikian.

P.U. (A) 147/69

PERISHTIHARAN DI-BAWAH PERKARA 150 (4)
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

BAHAWASA-NYA Perkara 150 (4) Perlembagaan menguntokkan bahawa dalam masa Perishtiharan Dzarurat sedang berjalan kuat-kuasa, maka kuasa executive bagi Malaysia hendak-lah, dengan tidak menghiraukan apa² yang terkandung dalam Perlembagaan, di-lanjutkan kepada mana² perkara yang terletak dalam kekuasaan executive bagi sa-sabuah Negeri dan untok memberi arahan² kepada Kerajaan sa-sabuah Negeri atau kepada mana² pegawai atau pehak yang berkuasa-nya:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, dengan kuasa Perkara 150 (4) yang tersebut di-atas ini, semasa Perishtiharan Dzarurat sedang berjalan kuat-kuasa-nya, maka Yang di-Pertuan Agong mengarahkan supaya Dewan Undangan atau Majlis Negeri bagi mana² Negeri tidak-lah boleh di-panggil untok bersidang sa-hingga kepada satu tarikh yang akan di-tentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dengan Titah Perintah,

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ,
Perdana Menteri

JABATAN PERDANA MENTERI,
15hb Mei, 1969

DIRECTION UNDER ARTICLE 150 (4) OF THE
FEDERAL CONSTITUTION

WHEREAS Article 150 (4) of the Federal Constitution provides that while a Proclamation of Emergency is in force, the executive authority of Malaysia shall, notwithstanding anything in the Constitution, extend to any matter within the legislative authority of a State and to the giving of directions to the Government of a State or to any officer or authority thereof:

NOW, THEREFORE, by virtue of Article 150 (4) aforesaid, while the Proclamation of Emergency is in force, the Yang di-Pertuan Agong directs that the Legislative Assembly or the Council Negeri of any State shall not be summoned to meet until such date as may be determined by the Yang di-Pertuan Agong.

By Command,

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ,
Prime Minister

JABATAN PERDANA MENTERI,
15th May, 1969